

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 MAC 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6

Selangor berisiko tinggi keciciran bantuan subsidi

Selangor berisiko tinggi keciciran bantuan subsidi

Rafizi harap tindakan sewajarnya dapat diambil oleh semua kerajaan negeri untuk memastikan penduduk daftar PADU

Oleh DIANA AZIS
PUTRAJAYA

Selangor bakal menjadi negeri mempunyai isu keciciran bantuan subsidi bersasar tertinggi susulan ramai penduduk di kawasan berkenaan tidak mendaftar Pangkalan Data Utama (PADU).

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menjelaskan, jumlah tersebut berdasarkan 4,752 kawasan yang belum diliputi dalam sistem PADU sejak ia dilancarkan pada 2 Januari lalu.

Daripada jumlah itu, katanya, penduduk di 1,282 lokaliti Selangor tidak mempunyai maklumat dalam pangkalan data berkehaan diikuti Kuala Lumpur (992), Sarawak (765) dan Sabah (620).

"Penelitian pengemaskinian PADU di peringkat lokaliti ini akan menjadi input untuk memastikan semua kawasan diliputi mempunyai perwakilan dan tidak berlaku keciciran.

"Jadi dalam tempoh dua minggu terakhir, saya berharap tindakan sewajarnya dapat diambil oleh kerajaan negeri lain untuk memastikan penduduk mengemas kini (data) sistem," katanya dalam sidang akh-

FOTO: BERNAMA



Rafizi ketika sidang akhbar di Putrajaya pada Isnin.



bar di sini pada Isnin.

Menurut Rafizi, satu sesi dialog awam (*town hall*) akan diadakan pada 23 Mac ini di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi memberi penerangan serta mendapatkan kerjasama pihak berkaitan bagi membantu meningkatkan pendaftaran dalam kalangan rakyat.

Beliau berkata, sehingga Ahad, sebanyak 5.43 juta individu di seluruh negara telah mengemas kini data masing-masing dalam PADU.

Dalam pada itu, Rafizi berkata, terdapat tiga kumpulan data yang akan wujud dalam sistem PADU selepas dikemas kini pada 31 Mac kelak.

Katanya, kumpulan itu merangkumi data pentadbiran daripada maklumat asas isi rumah, data tinjauan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) termasuk pendapatan dan perbelanjaan isi rumah serta data tambahan daripada kemas kini yang dibuat penduduk.

"Kemas kini ini akan membantu

memperkuh, memperinci serta membuat semak silang jika ada data yang bertentangan.

"Selepas 31 Mac, kerajaan mempunyai data mencukupi untuk beralih kepada PADU sebagai rujukan dalam perancangan program dan dasar," jelasnya.

Sementara itu, Rafizi berkata, Kementerian Ekonomi mengambil langkah lebih efektif dengan membuka kaunter fizikal pendaftaran PADU mengikut permintaan di kawasan setempat berbanding di pejabat agensi terlibat.

Katanya, inisiatif itu jauh lebih berkesan kerana penduduk setempat tidak perlu berkunjung ke kaunter fizikal yang mungkin terletak jauh dari kediaman.

"Walaupun pada awalnya perancangan kita untuk adakan kaunter tetap di lokasi tertentu, namun kita dapati lebih baik buka kaunter di lokaliti daripada mengharapkan orang ramai datang ke UTC (Pusat Transformasi Bandar) atau pejabat DOSM (Jabatan Perangkaan Malaysia)," katanya.